

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 31 TAHUN 1974¹

GAJI PERMULAAN BAGI CALUN-CALUN YANG BER-
KELAYAKAN DARIPADA INSTITIUT TEKNOLOJI MARA
YANG DILANTIK KE DALAM JAWATAN-JAWATAN ATAU
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG TERTENTU

Kerajaan telah pun menetapkan gaji permulaan baru bagi calun-calun yang mempunyai kelayakan-kelayakan tertentu daripada Institiut Teknologi MARA yang dilantik ke jawatan-jawatan atau perkhidmatan-perkhidmatan dalam Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas atau Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dalam Perkhidmatan Awam, yang sekim-sekim perkhidmatannya ada memperbekalkan kelayakan-kelayakan tersebut. Kelayakan-kelayakan yang dimaksudkan serta gaji permulaan yang berkenaan adalah seperti berikut:

A. KELAYAKAN-KELAYAKAN YANG DINILAI PADA PARAS ANTARA STP/HSC DENGAN IJAZAH AM, YAKNI—

- (i) Diploma Pentadbiran Awam.
(Diploma in Public Administration).
- (ii) Diploma Kajian Perniagaan.
(Diploma in Business Studies).
- (iii) Diploma Perakaunan.
(Diploma in Accountancy).
- (iv) Diploma Penilaian.
(Diploma in Valuation).
- (v) Diploma Pengurusan Perindustrian Ladang.
(Diploma in Planting Industry Management).
- (vi) Diploma Urusan Bank.
(Diploma in Banking Studies).

(Pemegang-pemegang kelayakan ini adalah diberi gaji permulaan sebanyak \$560 dalam tanggagaji \$400×25-450/480×40-800/840×40-1,000).

B. KELAYAKAN-KELAYAKAN YANG DINILAI SETARAF DENGAN DIPLOMA INSTITIUT TEKNOLOJI KEBANGSAAN ATAU DIPLOMA UNIVERSITI PERTANIAN YAKNI—

- (i) Diploma Perancangan Bandar dan Rantau.
(Diploma in Town and Country Planning).
- (ii) Diploma Seni Bena.
(Diploma in Architecture).

- (iii) Diploma Ekonomi Bangunan.
(Diploma in Building Economics).
- (iv) Diploma Perhutanan.
(Diploma in Forestry).
- (v) Diploma Kesihatan dan Pengeluaran Haiwan.
(Diploma in Animal Health and Production).

(Semua kelayakan-kelayakan tersebut di atas kecuali (v) adalah diberi gaji permulaan sebanyak \$600, manakala kelayakan (v) diberi gaji permulaan sebanyak \$640 dalam tanggagaji \$560 × 40-640/680 × 40-880/920 × 40-1,000).

C. KELAYAKAN-KELAYAKAN YANG TELAH DINILAI SECARA AM SETANDING (BROADLY COMPARABLE) DENGAN IJAZAH AM YAKNI—

- (i) "Diploma in Art and Design".

(Pemegang kelayakan ini adalah diberi gaji permulaan sebanyak \$600 di dalam tanggagaji \$560 × 40-640/680 × 40-880/920 × 40-1,000).

- (ii) "Art Teachers' Diploma".

(Pemegang-pemegang kelayakan ini, yang terbuka hanya kepada mereka yang mempunyai "Diploma in Art and Design", apabila diterima memasuki perkhidmatan Perguruan akan ditempatkan dalam tanggagaji Kategori D2 dengan diberi gaji permulaan \$700 dalam tanggagaji \$700 × 50 - 800/850 × 50 - 1,050/1,150 × 50 - 1,300/1,350 × 50 - 1,550).

2. Keputusan ini adalah **berkuatkuasa pada 1hb Mei, 1974** dan calun-calun yang mempunyai kelayakan-kelayakan tersebut di atas yang dilantik ke dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan selepas tarikh tersebut akan menerima gaji permulaan mengikut Pekeliling ini.

3. Bagi pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan yang mempunyai kelulusan-kelulusan seperti di atas, pengubahsuaian gaji hendaklah dibuat seperti berikut mulai daripada 1hb Januari, 1970 *secara isyarat (notional)*:

- (a) Pegawai-pegawai yang dilantik atas tanggagaji lama sebelum Suffian/Aziz dan membuat pilihan memilih tanggagaji baru Suffian/Aziz dan berpindah kepada mata-gaji kurang daripada—
 - (i) \$560 bagi pemegang-pemegang kelayakan yang disenaraikan dalam perenggan 1A (i) hingga (vi) di atas;
 - (ii) \$600 bagi pemegang-pemegang kelayakan seperti di perenggan 1B (i) hingga (iv) dan 1C (i) di atas;
 - (iii) \$640 bagi pemegang-pemegang kelayakan di perenggan 1B (v) di atas;

- (iv) \$700 bagi pemegang-pemegang kelayakan di perenggan 1c (ii) di atas;

pada 1hb Januari, 1970 atau selepas daripada itu hendaklah diubah kepada gaji masing-masing \$560, \$600, \$640 dan \$700 menurut mana-mana yang berkenaan mulai dari tarikh 1hb Januari, 1970 atau selepas daripada itu. Perubahan tarikh kenaikan gaji adalah mengikut rumusan di Lampiran "B" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970 atau Lampiran "D" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 (Perkhidmatan Pelajaran) menurut mana yang berkenaan.

- (b) Pegawai-pegawai yang dilantik terus atas tanggagaji baru Suffian/Aziz pengubahsuaian gaji hendaklah dibuat berasaskan kepada satu kenaikan gaji bagi tiap-tiap tahun genap perkhidmatan dalam jawatan yang berkenaan. Tarikh kenaikan gaji tidak berubah.

4. Bagi pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i) Pegawai-pegawai dalam percubaan boleh terus menerima kenaikan gaji dalam baki tempoh percubaan mereka. Sekiranya pengubahsuaian gaji ini menempatkan mereka terkeatas atau terkebawah daripada Sekatan Percubaan/Sekatan Peperiksaan Pertama, maka Sekatan itu hendaklah dianggap seolah-olah telah diubah ke hadapan. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pegawai-pegawai itu telah disahkan dalam jawatan mereka setelah memenuhi semua syarat-syarat yang dikenakan menurut Sekim Perkhidmatan yang berkenaan;
- (ii) Sekiranya Sekatan Percubaan/Sekatan Peperiksaan Pertama yang telah dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkau Sekatan Peperiksaan Kedua atau Sekatan Kecekapan maka prinsip mengenai kenaikan gaji seterusnya setelah disahkan dalam jawatan serta cara melangkah Sekatan Peperiksaan Kedua/Sekatan Kecekapan adalah sebagaimana dalam (iii) dan (iv) mengikut mana yang berkenaan;
- (iii) Bagi pegawai-pegawai dalam percubaan yang tanggagaji mereka mempunyai Sekatan Percubaan/Sekatan Kecekapan sahaja, mereka boleh menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaan seolah-olah Sekatan Percubaan diubah ke hadapan walaupun ia disesuaikan kepada matagaji yang terletak terkeatas daripada Sekatan Kecekapan. Sekatan Kecekapan pula hendaklah dianggap turut berubah ke hadapan dan bertindih dengan Sekatan Percubaan yang dianggap telah diubah ke hadapan itu. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat bahawa mereka telah disahkan dalam jawatan dan juga memenuhi syarat-syarat melangkah Sekatan Kecekapan;
- (iv) Bagi pegawai-pegawai dalam percubaan yang tanggagaji mereka mempunyai Sekatan Percubaan/Sekatan Peperiksaan Pertama dan juga Sekatan Peperiksaan Kedua (serta

Sekatan Kecekapan, di mana berkenaan) mereka bolehlah menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaan samada mereka disesuaikan kepada matagaji yang terletak terke-bawah atau terkeatas daripada Sekatan Peperiksaan Kedua. Sekatan-sekatan berkenaan hendaklah dianggap seolah-olah diubah ke hadapan. Selepas disahkan dalam jawatan mereka bolehlah diberi 3 tahun lagi untuk lulus dalam Peperiksaan Kedua dan dalam tempoh itu, peraturan-peraturan biasa berkenaan dengan pemberhentian dan penangguhan kenaikan gaji akan dikenakan;

- (v) Tempoh percubaan yang dimaksudkan diperenggan kecil (i), (iii) dan (iv) di atas tidak termasuk tempoh percubaan yang dilanjutkan dengan berdenda;
- (vi) Bagi pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatan tetapi belum lulus Peperiksaan Kedua apabila gaji mereka yang diubahsuaikan terletak terkeatas ataupun di bawah daripada Sekatan Peperiksaan Kedua, mereka boleh diberi tempoh untuk lulus dalam peperiksaan Kedua sepanjang baki tempoh yang sepatutnya mereka mesti lulus pada tarikh berkuatkuasanya Pekeliling itu. Sekatan Peperiksaan Kedua itu adalah dianggap seolah-olah diubah ke hadapan. Selepas daripada tempoh itu peraturan-peraturan biasa berkenaan dengan pemberhentian dan penangguhan kenaikan gaji akan dikenakan;
- (vii) Bagi pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatan serta disesuaikan pada matagaji yang terletak terkeatas daripada Sekatan Kecekapan, mereka tidak dibenarkan menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga telah memenuhi syarat-syarat bagi melangkah Sekatan Kecekapan.

5. Adalah ditegaskan bahawa dengan penyesesuaian gaji mengikut perbekalan dalam Pekeliling ini, pegawai-pegawai yang terlibat adalah terus tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dalam Sekim Perkhidmatan dan syarat-syarat perkhidmatan yang lain yang berkuatkuasa.

6. Jika terdapat apa-apa keraguan dalam melaksanakan per-bekalan Pekeliling ini Ketua-ketua Pejabat adalah diminta merujuk perkara tersebut kepada Jabatan ini untuk arahan.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULEIMAN,
KUALA LUMPUR.

30hb September, 1974.

CATATAN:

- ¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1984 mulai 11hb September, 1984.